



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 816

AKTA THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS (PEMERBADANAN) 1954

(Disemak—2019)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools (Incorporation) Act 1954 [Act 816]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA *THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS*
(PEMERBADANAN) 1954**

Disemak sehingga 1 Disember 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini 27 Disember 2019

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasanya edisi
semakan ini menurut perenggan
6(1)(xxiii) Akta Penyemakan
Undang-Undang 1968 [*Akta 1*] 27 Disember 2019

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1954 sebagai
Ordinan Persekutuan Tanah Melayu No. 30 tahun 1954

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 816****AKTA *THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS*
(PEMERBADANAN) 1954**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. *Pemerbadanan The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*
4. Meterai perbadanan
5. Pelantikan pemegang jawatan
6. Peletakhakan harta

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 816****AKTA *THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS*
(PEMERBADANAN) 1954**

Suatu Akta untuk memperbadankan *The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*.

[15 September 1954]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta *The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools* (Pemerbadanan) 1954.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Perbadanan” ertinya *The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools* sebagaimana yang diperbadankan di bawah seksyen 3;

“pemegang jawatan” ertinya Reverend John Kennedy yang secara amnya dikenali sebagai *Brother Barnitus* yang dilantik melalui suatu surat cara di bawah tandatangan dan meterai *Superior General of the Society of the Christian Brothers* untuk jawatan “*The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*” dan termasuklah pengganti dalam jawatannya.

Pemerbadanan *The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*

3. (1) Pemegang jawatan *The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools* hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "*The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*" dan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Perbadanan boleh—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap perihal harta alih dan harta tak alih; dan

(c) menjual, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Meterai perbadanan

4. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi perkataan "*Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools*" boleh digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Perbadanan.

(3) Tiada surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang dimeteraikan dengan meterai Perbadanan boleh disifatkan dimeteraikan dengan sewajarnya melainkan jika –

- (a) meterai itu telah dicapkan di hadapan pemegang jawatan atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sewajarnya melalui suatu surat kuasa wakil yang didaftarkan di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [*Akta 424*]; dan
- (b) surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu ditandatangani oleh pemegang jawatan atau wakilnya.

(4) Penandatanganan surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian yang sewajarnya surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu.

Pelantikan pemegang jawatan

5. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang untuk memegang atau bertindak sebagai pemegang jawatan hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang itu telah dilantik dengan sewajarnya.

Peletakhakan harta

6. Semua harta alih dan harta tak alih yang terletak di Semenanjung Malaysia yang dipegang, dipindahhakkan, diserahkan, diberikan, dipajakan, dipindahmilikkan, dipindahkan kepada atau selainnya terletak hak pada *Visitor in the Federated Malay States of the Christian Brothers' Schools* atau *Visitor in the Straits Settlement of the Christian Brothers' Schools* terletak hak pada Perbadanan bagi harta dan kepentingan masing-masing yang baginya harta itu dipegang.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 816

**AKTA *THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS*
(PEMERBADANAN) 1954**

(Disemak — 2019)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa dari

– TIADA –

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.

Tajuk

Ord. P.T.M. No. 30
tahun 1954

Ordinan *The Visitor of the Christian Brothers' Schools*
(Pemerbadanan), 1954

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 816*****AKTA THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS
(PEMERBADANAN) 1954***

(Disemak — 2019)

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

— TIADA —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 816

**AKTA *THE VISITOR IN THE FEDERATION OF MALAYA OF
THE CHRISTIAN BROTHERS' SCHOOLS*
(PEMERBADANAN) 1954**

(Disemak — 2019)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA PENYEMAK
UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA PENYEMAKAN
UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah tajuk "ARRANGEMENT OF SECTIONS" dimasukkan	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	1. Perkataan "Act" menggantikan "Ordinance"	perenggan 6(1)(v)
	2. Perkataan "Corporation" menggantikan "corporation"	perenggan 6(1)(xv)
	3. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxiv)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan " <i>15 September 1954</i> " menggantikan " <i>15th September, 1954.</i> "	perenggan 6(1)(iii)
Mukadimah	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(b)
Ayat mengundang-undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
seksyen 1	Tajuk ringkas "The Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools (Incorporation) Act 1954"	perenggan 6(1)(vi)

menggantikan “the Visitor of the
Christian Brothers’ Schools
(Incorporation) Ordinance, 1954”

Seksyen tafsiran	Seksyen tafsiran dimasukkan sebagai seksyen 2 baharu	subperenggan 6(1)(iv)(a)
seksyen 2	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 3	perenggan 6(1)(xii)
	2. Dalam nota bahu, perkataan “ and powers of the corporation ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)
subseksyen 2(1)	1. Perkataan “The holder of the office of the” menggantikan “The said John Kennedy and his successors for the time being in the office of”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
	2. Perkataan “and shall have perpetual succession and a common seal” ditukar tempat daripada subseksyen 2(2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
	3. Perkataan “, in this Ordinance referred to as “the corporation”” pada akhir seksyen ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)
subseksyen 2(2)	1. Perkataan “in its name” menggantikan “in its said name”	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “common seal” menggantikan “corporate seal”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Dibahagikan dan dinomborkan semula kepada subseksyen 3(1) dan (2), perenggan 3(a), dan subseksyen 4(1) dan (2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
subseksyen 2(3)	1. Perkataan “reassign” menggantikan “re-assign”	perenggan 6(1)(xv)

- | | | |
|-----------------|---|--|
| | 2. Perkataan “vested in the Corporation” menggantikan “vested in the said corporation” | perenggan 6(1)(xxi) |
| | 3. Perkataan “as the Corporation thinks fit” menggantikan “as to the corporation seems fit” | perenggan 6(1)(iii) dan (xxi) |
| | 4. Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 3(3)(b) dan (c) dengan pengubahan berbangkit dibuat | perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv) |
| seksyen 3 | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 4 | perenggan 6(1)(xii) |
| | 2. Dalam nota bahu, perkataan “ Common seal ” menggantikan “ Use of corporate seal ” | perenggan 6(1)(xxiv) |
| subseksyen 3(1) | 1. Perkataan “in the presence of the holder of the office” menggantikan “in the presence of the said John Kennedy” | perenggan 6(1)(iii) |
| | 2. Perkataan “authorized” menggantikan “authorised” | perenggan 6(1)(iii) |
| | 3. Perkataan “Powers of Attorney Act 1949 [Act 424]” menggantikan “Powers of Attorney Ordinance, 1949 [No. 64 of 1949]” | perenggan 6(1)(xix) |
| | 4. Perkataan “or in the presence of his successor for the time being in his said office of Visitor and duly qualified as aforesaid, and unless such deed, document or other instrument is signed by the said John Kennedy or his attorney or by his successor or his said attorney.” ditinggalkan | perenggan 6(1)(xxi) dan (xxiv) |
| | 5. Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 4(3)(a) dan (b) dengan pengubahan | perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv) |

berbangkit dibuat

- | | | |
|-----------------|--|--------------------------------|
| subseksyen 3(2) | 1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 4(4) | perenggan 6(1)(xii) |
| | 2. Perkataan “The signing of the deed, document or other instrument shall be sufficient evidence” menggantikan “Such signing shall be taken as sufficient evidence” | perenggan 6(1)(xxi) |
| seksyen 4 | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 5 | perenggan 6(1)(xii) |
| | 2. Dalam nota bahu, perkataan “ of holder of the office ” dimasukkan selepas perkataan “ Appointment ” | perenggan 6(1)(xxiv) |
| | 3. Perkataan “of any person to hold, or act as the holder of the office” menggantikan “of any person to hold, or act in, the office of Visitor in the Federation of Malaya of the Christian Brothers' Schools” | perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv) |
| | 4. Perkataan “so” sebelum perkataan “appointed” ditinggalkan | perenggan 6(1)(xxi) |
| seksyen 5 | 1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 6 | perenggan 6(1)(xii) |
| | 2. Perkataan “Peninsular Malaysia” menggantikan “the Federation” | perenggan 6(1)(xvii) |
| | 3. Perkataan “heretofore” sebelum perkataan “held, conveyed” ditinggalkan | perenggan 6(1)(xxb) |
| | 4. Perkataan “hereby” sebelum perkataan “vested in the Corporation” ditinggalkan | perenggan 6(1)(xxi) |

5. Perkataan “is held” menggantikan “is holden” perenggan 6(1)(xv)

seksyen 6 Ditinggalkan subperenggan 6(1)(i)(aa)

seksyen 7 Ditinggalkan subperenggan 6(1)(i)(a)
